

Tanggapan sains tiada kaitan Islam patut diubah

BH 6 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menejur sikap sesetengah ahli profesional, guru dan ibu bapa yang menganggap sains sebagai tidak ada kena-mengena dengan agama, khususnya Islam.

Perdana Menteri berkata, tanggapan salah itu perlu diubah kerana jika tidak, umat Islam sekali lagi akan ketinggalan dalam revolusi teknologi maklumat (IT) yang sedang berkembang seperti apa yang

ngun, katanya, walaupun tidak banyak yang boleh mereka belanjakan, mereka masih boleh menjalankan R&D dan mendapatkan keputusan yang baik sekiranya R&D dilakukan dengan sistematik.

Mengenai dakwaan bahawa peruntukan R&D di negara ini lebih cenderung ke arah sains gunaan bukannya sains asas, beliau berkata kerajaan membuat keputusan mengikut cadangan yang diberikan.

Menjawab pertanyaan bagaimana beliau nampaknya sentiasa bertenaga dalam menjalankan tugas hariannya, Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah seseorang itu mempunyai minat yang tinggi dalam kerja atau tugas masing-masing.

"Soalan seperti ini memang biasa ditanya kepa-

tuk diri kita sendiri, tetapi fardhu kifayah tidak harus diabaikan...yang juga memberi penekanan kepada sains," katanya pada majlis dialog pada Konvensyen Sains 2001 anjuran Institut Ibnu Sina (IIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, tanggapan bidang sains tidak ada kaitan dengan agama perlu dikikis.

"Saya yakin jika ada perubahan sikap berhubung bidang sains iaitu wujud tanggapan bahawa ia adalah satu keperluan agama, sudah tentu ramai yang akan berminat untuk belajar sains," katanya.

Beliau berkata, dengan menimbang dan menggunakan sains sebagai sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan, orang Islam akan menjadi cukup berinovasi untuk mencari jalan dan cara melindungi ummah.

Katanya, orang Melayu perlu memberi lebih penekanan dalam kajian sains dan mempunyai pemikiran ingin tahu kerana peranan sains penting bagi pembangunan semasa dan masa depan negara.

Dalam ucapannya di majlis itu, beliau berkata bahawa negara maju membelanjakan banyak wang dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bagi negara memba-

da saya. Jawapan saya senang sahaja iaitu jika kita berminat dalam kerja, kita tak rasa letih. Kita juga akan berpuas hati dengan hasil kerja kita, menyebabkan kita terus berminat untuk bekerja," katanya.

Dalam sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir turut melahirkan rasa sedih terhadap kematian seorang pelajar perempuan, mangsa rogol dan bunuh, di Melaka Selasa lalu.

"Saya berasa sedih dengan banyak sangat kes semacam ini sekarang ini," katanya.

Nurul Hanis Kamil, seorang pelajar tingkatan empat, ditemui mati selepas dirogol dalam belukar berhampiran rumahnya di Serkam Darat, Merlimau.

Perdana Menteri berkata perbuatan penjenayah ini mungkin berpunca daripada kebebasan kehidupan masyarakat sekarang terutama golongan muda.

Katanya, berbanding zaman dahulu, pergerakan anak-anak kini sukar dikawal.

"Kita dapati bahawa masyarakat sekarang ini agak terlalu bebas. Dulu, kita lebih dikawal oleh ibu bapa tetapi sekarang ini, kita dapati semuanya bebas. Apa dia buat pun kadang-kadang ibu bapa atau guru tak tahu," katanya.

Laporan Konvensyen Sains 2001 di Muka 11

berlaku pada zaman revolusi perindustrian dulu.

"Saya diberitahu, seorang jurutera Melayu menghantar tiga anaknya ke sekolah tahfiz. Dia menyesal dan silap kerana tak ambil agama dulu tetapi dia lupa sumbangan jurutera kepada agama juga penting.

"Fardhu ain adalah un-